

# Kemuncak Pameran Pendidikan UMS pada 31 Mac dan 1 April ini di Suria Sabah

NST 26.03.2012 7

KOTA KINABALU: Kemuncak siri Jelajah Pameran Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan berlangsung di kompleks membeli-belah Suria Sabah pada 31 Mac dan 1 April ini.

Program itu yang dikenali sebagai program "Roadshow MARI MASUK UMS" akan bermula pukul 10.00 pagi hingga 6.00 petang.

Siri jelajah pameran yang berlangsung sejak Februari lalu itu antara lain bertujuan untuk memperkenalkan UMS kepada ibu bapa dan pelajar di seluruh Sabah selain mempromosi program-program yang ditawarkan di UMS kepada para pelajar di kawasan luar bandar.

Disamping itu, ia sebagai usaha mendekatkan universiti kepada semua lapisan masyarakat di seluruh negeri ini.

Pelbagai acara menarik akan turut mewarnai kemuncak pameran tersebut. Antaranya pameran pendidikan, forum, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling

dan taklimat pendidikan yang akan disampaikan oleh para pensyarah dan petugas pameran UMS.

Program tersebut yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Korporat UMS dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPNS) turut disertai oleh Bahagian Perkhidmatan Akademik, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Pusat Pengajian Pascasiswazah serta Jabatan Penyelenggaraan dan Pembangunan UMS.

Pameran itu akan dijayakan lagi dengan penyertaan daripada semua sekolah pengajian di UMS dan UMS Link Holdings Sdn. Bhd. Majlis perasmiannya kemuncak pameran tersebut dijangka disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon.

Sehubungan itu, orang ramai khususnya para pelajar dan ibu bapa dijemput hadir bagi menjayakan lagi program berkenaan.